

Trucha kecewa Penang tumbang di Kuantan

Oleh **Asrol Awang** - April 24, 2022 @ 4:30pm

bhsukan@bh.com.my



Pemain Sri Pahang FC, Billy Ketkeophomphone (tengah) melakukan cubaan ke arah gawang Penang FC sambil cuba dihalang Khatul Anuar Md Jalil pada saingan Liga Super di Stadium Darul Makmur, malam tadi. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang.

KUANTAN: Pengendali Penang FC, Tomas Trucha tidak dapat menyembunyikan perasaan kecewa selepas skuadnya tewas 1-3 kepada Sri Pahang FC dalam saingan Liga Super di sini, malam tadi.

Kekalahan di Stadium Darul Makmur itu juga meletakkan skuad Harimau Kumbang terperosok di kedudukan tercorot Liga Super dengan mengutip tiga mata selepas mengharungi enam perlawanan.

Justeru, Trucha mahu anak buahnya bangkit mencipta kemenangan bagi mengelak kehilangan lebih banyak mata pada perlawanan akan datang.

"Kami tidak boleh lagi kehilangan mata dan perlu lebih bersedia kerana akan berdepan pasukan yang mantap iaitu Terengganu FC, Sabah FC dan Selangor FC.

"Saya harap beberapa pemain, termasuk import yang tidak bermain malam ini akibat kecederaan kembali memperkuatkan pasukan," katanya.

Pada perlawanan itu, gol tunggal Penang dijaringkan pemain pertahanan, Ahmad Sukri Abdul Hamid pada minit ke-45.

Namun, tiga gol yang diperoleh tuan rumah, masing-masing satu sol dijaringkan oleh Nor Azam Azih pada minit ke-28, David Rowley (m-64) dan Sean Ginelli (m-73) memadam misi Penang untuk membawa pulang sekurang-kurangnya satu mata.

Mengulas kecederaan penjaga gol, Khatul Anuar Md Jalil yang terpaksa dikeluarkan pada babak kedua, Trucha berkata, pemain itu dikeharkan ke hospital untuk rawatan lanjut.

"Saya harap Khatul dalam keadaan baik dan dapat kembali bersama pasukan," kata jurulatih kelahiran Republik Czech itu.